



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KABINET BELUM LULUS SUBSIDY AYAM, TELUR, DALAM NEGERI, UM -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	VET DEPT: 2023 SUBSIDY APPLICATIONS FOR EGG, POULTRY PRODUCERS STILL CLOSED, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4.	UPM,SAS PERKASA INDUSTRI AKUAKULTUR, PENDIDIKAN, UM -23 KAMI TAK TERIMA ADUAN: JMG, LOKAL, HM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	LOKAL, HM -23	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	OPERATORS WANT PIG CULLING PROCEDURE TO BE REVIEWED, NATION, CHINA PRESS -A21 JETI TERAPUNG BANTU NELAYAN DARAT, NEGARA, KOSMO -18 1,455 PESAWAH ASNAF TERIMA SUMBANGAN BERNAS, NEGARA, KOSMO -12 1,455 PESAWAH ASNAF TERIMA KOTAK MAKANAN BERNAS, DALAM NEGERI, UM -31 PELANGGAN MASIH BERKIRA BELI SAYUR, NEGARA, KOSMO -16 HARGA SAYUR DIJANGKA TURUN 40 PERATUS, NASIONAL, BH -18 KPDN TERUS PANTAU JUALAN BARANGAN KEPERLUAN, NASIONAL, BH -18	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

21/2/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

6

Kabinet belum lulus subsidi ayam, telur

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menjelaskan status pemberian subsidi ayam dan telur bagi tahun ini belum diketahui kerana dalam proses untuk mendapat kelulusan Kabinet.

Mengulas laporan *Utusan Malaysia* yang memetik sumber industri ternakan ayam, jabatan itu memaklumkan, permohonan subsidi ayam dan telur bagi 2022 telah ditutup pada 15 Januari lalu.

“Permohonan subsidi bagi tahun ini pula belum dibuka kerana perkara itu baru saja di-

bincangkan dalam mesyuarat Kabinet 17 Februari lalu.

“Sehingga kini, JPV serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan masih menunggu mimit kelulusan Kabinet bagi pelaksanaannya,” katanya.

Katanya, permohonan kepada Kabinet bagi subsidi adalah bagi tempoh Januari hingga Jun 2023.

Mingguan Malaysia keluaran 19 Februari menyiarkan laporan bertajuk ‘Subsidi penternak ayam, telur dikaji semula’ yang memetik Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk

Seri Mohamad Sabu sebagai berkata, kerajaan akan mengkaji semula keperluan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan telur menjelang pertengahan tahun ini.

Menurut beliau, sehingga kini subsidi yang diberikan kepada penternak tersebut sudah mencecah RM1.8 bilion dan dijangka melebihi RM2 bilion menjelang Jun ini.

Katanya, jumlah subsidi terlalu besar dan jika kerajaan berjaya menstabilkan harga ayam dan telur, maka tiada keperluan untuk memberi subsidi kepada

penternak.

Susulan itu, *Utusan Malaysia* semalam memetik sumber industri itu sebagai berkata, penternak ayam penelur percaya kerajaan tidak akan meneruskan pemberian subsidi kepada mereka dalam usaha menstabilkan pengeluaran bekalan tersebut.

Satu sumber mewakili sebuah ladang pengeluaran telur di Lembah Klang mendedahkan, perkara itu semakin jelas apabila borang permohonan tuntutan subsidi dalam bentuk *Google Form* dalam laman web JPV sudah tiada.

Headline	Vet Dept: 2023 subsidy applications for egg, poultry producers still closed		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	21 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	61 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 287
Frequency	Daily	PR Value	RM 860



兽医服务局:鸡蛋鸡肉 补贴尚未开放申请

(布城20日讯)兽医服务局指出,养鸡业者及蛋农今年的补贴迄今尚未开放申请。

该局发文告说,有关申请补贴事宜刚在上周五的内阁会议讨论。
“向内阁提出今年1月至

6月的补贴申请。农业及粮食安全部与兽医服务局至今仍在等待内阁批准的会议记录,以落实补贴申请。”

兽医服务局也说,养鸡业者及蛋农去年的补贴申请,已在1月15日截止。

根据一家本地报章报道,养鸡业者认为政府不会

继续向他们发放补贴。

代表巴生谷一座鸡蛋农场的消息人士声称,兽医服务局网站已没提供谷歌表格形式的补贴申请表格,因此,政府不发放补贴之举越来越明显。

该报道也指农业部长拿督斯里莫哈末沙布说,政府

将在今年中旬重新探讨是否向养鸡业者及蛋农发放补贴。

他指出,政府已发放18亿令吉补贴予养鸡业者及蛋农,预计到了6月将超过20亿令吉,数额过于庞大,若政府成功稳定鸡只及鸡蛋价格,就没有需要发放这项补贴。#

21/2/2023

UTUSAN

PENDIDIKAN

23

MALAYSIA

UPM,SAS perkasa industri akuakultur

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS) UPM memandatkan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Serandu Aquaponic System Sdn. Bhd. (SAS) dalam usaha meningkatkan perkembangan dan penyelidikan memperkasakan lagi industri akuakultur di Pahang.

MoU ini merupakan inisiatif menyokong hasrat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk memperkasakan industri akuakultur dalam salah satu hala tuju dan fokus utama kementerannya dan memastikan kerjamaan bekalan makanan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Mohd Raslan Sulaiman berkata melalui MoU ini penyelidikan dan pembangunan inovasi di antara penyelidik di I-AQUAS UPM bersama pihak SAS dapat ditambah baik menerusi aktiviti ternakan ketam renjong di dalam kolam HDPE lining.

"Aktiviti pemantauan dan kawalan penyakit udang putih (Penaeus vannamei) di kolam ternakan SAS juga akan dilakukan oleh I-AQUAS UPM bahkan memberi khidmat nasihat penternakan rumpai laut, latok untuk



UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik bersama Serandu Aquaponic System Sdn. Bhd. (SAS) akan memperkasakan industri akuakultur di Pahang.

tujuan kultur secara ekstensif.

"Dalam pada itu, kerjasama ini juga melibatkan penghasilan makanan akuakultur, pemantauan sistem ternakan secara IOT dan kerjasama yang akan dipersetujui kelak oleh kedua-dua belah pihak," katanya.

Dalam pada itu, I-AQUAS UPM telah menyumbangkan kira-kira 22,000 ekor ketam renjong, ketam bunga (spesies Portunus pelagicus)

bagi percubaan ternakan atau projek rintis di Serandu ini.

Menurut penyelidik projek, Prof. Madya Dr. Murni Marlina Abd Karim berkata ketam renjong ini digunakan sebagai projek rintis penyelidikan dan menambah lebih lagi pengeluaran hasil ternakan laut untuk dipasarkan kelak.

"Di I-AQUAS UPM, kita sudah berjaya membuat pembenihan ketam renjong dan mendapat kerjasama

dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk membuat pelepasan ketam apabila terdapat permintaan daripada DOF.

"Sebelum ini ketam memang duduk di kolam tanah tetapi belum ada penyelidikan ketam renjong boleh hidup atau tidak dalam kolam HDPE lining, jadi kita hendak melihat potensi ini."

"Sekiranya penyelidikan ini menjadi kita akan pasarkan lagi benih ketam



Aktiviti pemantauan dan kawalan penyakit udang putih (Penaeus vannamei) di kolam ternakan SAS juga akan dilakukan oleh I-AQUAS UPM bahkan memberi khidmat nasihat penternakan rumpai laut, latok untuk tujuan kultur secara ekstensif."

di peringkat lebih tinggi," katanya.

Tambahnya, usaha ini juga mencapai matlamat empat Pelan Strategik UPM 2021-2025, memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan serta menonjolkan fungsi UPM sebagai sebuah menara ilmu yang memacu kecemerlangan bidang pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2023	HARIAN METRO	LOKAL	7

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri am@hmetro.com.my

Gerik

SUNGAI RUI TERCEMAR AKIBAT AKTIVITI PERLOMBONGAN

Kami tak terima aduan: JMG

Dakwaan berlaku pencemaran Sungai Rui di sini berkemungkinan masalah berulang selepas pihak berkuasa mengesahkan sungai itu pernah dicemari sisa arsenik daripada aktiviti perlombongan di Hulu Perak, kira-kira empat tahun lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Perak, Rosli Zul berkata, semua agensi berkaitan dalam projek pembangunan perlombongan mengambil maklum isu itu dan tindakan kawalan diambil mengikut perundangan yang di bawah seliaan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

"Maklumat pencemaran disalurkan kepada Jas sebagai ahli dalam jawatankuasa dan kami maklum. Cuma, agensi bertanggungjawab (JMG) yang perlu bercakap mengenai perkara ini," katanya dihubungi.

Pengarah JMG Perak, Datuk Ir Ahmad Zukni Ahmad Khalil pula berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi mengenai pencemaran Sungai Rui selepas ia dilapor tercemar pada 2019.

Tegasnya, sejak pencemaran itu, pihaknya bersama kerajaan negeri sentiasa melakukan pemantauan terutama terhadap projek perlombongan, yang sekali gus tidak memungkinkan timbul isu pencemaran baharu di Sungai Rui daripada aktiviti perlombongan.

"Bagaimanapun, saya akan arahkan pegawai menyiasat hal ini, apatah lagi kami sememangnya sentiasa memantau rapi sejak insiden pencemaran lalu.

"Siasatan terhadap pencemaran terbabit (tahun 2019), salah satu punca arsenik dalam sungai kerana mineral dari dalam tanah yang dikacau gangu dan terkena hujan...ini boleh menghasilkan arsenik," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Perikanan Negeri Perak, Norashah Hashim mendedahkan, ikan loma di Sungai Rui mengalami penurunan drastik hingga memaksa pihaknya mengeluarkan notis larangan menangkap ikan spesies itu selama dua minggu iaitu ketika waktu kemuncak musim pelepasan



KEADAAN air Sungai Rui yang didakwa tercemar hingga mengakibatkan hidupan sungai terutama ikan mati.



Kami tidak menerima sebarang aduan rasmi mengenai pencemaran Sungai Rui selepas ia dilapor tercemar pada 2019"

Ahmad Zukni Ahmad Khalil



Ikan loma di Sungai Rui mengalami penurunan drastik hingga memaksa pihaknya mengeluarkan notis larangan menangkap ikan spesies itu selama dua minggu iaitu ketika waktu kemuncak musim pelepasan telur iaitu antara Ogos sehingga Disember"

Norashah Hashim

Ikan loma makin berkurangan

Sungai Rui didakwa tercemar akibat perkhidmatan bijih tungku sumber ikan Perak

Perak, 21 Februari 2023. Ikan loma di Sungai Rui mengalami penurunan drastik hingga memaksa pihak berkuasa mengeluarkan notis larangan menangkap ikan spesies itu selama dua minggu iaitu ketika waktu kemuncak musim pelepasan telur iaitu antara Ogos sehingga Disember.

Beliau tidak menolak faktor pencemaran yang sebelum ini pernah dilapor berlaku di Sungai Rui sebagai antara punca pengurangan jumlah ikan sungai itu, namun tidak juga mengabaikan faktor lain yang menyumbang seperti kewujudan spesies ikan asing selain kegiatan menangkap ikan tanpa kawalan.

Pada 7 April 2019, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

ketika itu, Dr Xavier Jayakumar dilaporkan berkata, struktur geologi di kawasan Klian Intan, Hulu Perak dikenal pasti zon permineralan kaya dengan pelbagai mineral seperti bijih timah dan pada masa sama wujud mineral sulfida seperti arsenopyrite dan pyrite.

Katanya, kewujudan mineral sulfida itu secara langsung jadi punca berlakunya fenomena penghasilan larutan asid secara semula jadi sebagai saluran lombong berasid, yang boleh menyebabkan tindak balas kimia serta membebaskan elemen logam berat seperti arsenik, besi, plumbum, zink dan nikel ke dalam air atau jika tiada kawalan boleh memasuki sungai berhampiran.

LAPORAN Harian Metro, semalam.



DATARAN Loma di Kuala Rui, Gerik menjadi tumpuan ketika penganjuran Pesta Loma. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2023	HARIAN METRO	LOKAL	23



MUHAMMAD Ansari Mat, mengumpul hasil tangkapan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besar, Kota Bharu.

Headline	Operators want pig culling procedure to be reviewed		
MediaTitle	China Press		
Date	21 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A21	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	730 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,001



質疑檢驗作業欠透明 業者要求檢討毀豬

(威南20日訊) 檳州养猪场业者质疑兽医局的检验作业欠缺透明，该局的检验与猪农自行送检结果出现偏差，农场猪只隔离多日未现大量异常死亡情况，要求当局民主、合理、透明对待猪农，同时要求重新检讨毁猪政策。

王兄弟有限公司少东王富宗今日召开记者会，檳州至今有12间养猪场被兽医局确认对非洲猪瘟呈阳性反应，但当局对农场实施隔离期从14天到长达38天内，却都没有出现大量异常死亡情况；据该病指标，是4至19天会出现大量死亡的情况。

他因而促请当局，重新检讨毁猪政策是否真有必要，他举例，越南也不再实施相关政策，健康的猪只不必毁灭，只有生病的猪才需毁灭，毁猪政策是避免传染，但目前情况是没相关异常死亡病例。

收集名單再次上訴

“我们不接受毁猪政策，只是要求当局透明检验和作业，我们并非针对官员，也明白官员遵循相关指南行事，但有关政策也需要检讨。”

王富宗今日亦在其农场外，收集相关业者名单，以再次上訴当局。

他说，该局1月通知指怀疑其养猪场感染非洲猪瘟，1月12日到来抽血采样化验，13日对其农场实施隔离令。

“为了安全起见，我们在1月11日自行抽取31头猪的血送到私人化验室化验，13日化验结果出炉呈阴性；反观，该局1月12日抽血化验，直到2月7日才得到该局为期1月25日的信显示，指25头抽血的猪只之中，有10头猪呈阳性。”

他说，其公司向来提交样本供化验的化验室，都是受政府承认，然而兽医局的检验结果却与之出现偏差。



■猪农们要求有关当局民主、合理对待猪农，同时要求透明作业；左3为王富宗、王观明；右4为王观洲。

豬農3度上訴 沒回覆

王富宗说，他於1月30日、2月9日和10日上訴当局，提及猪只没生病、自行检测呈阴、没大量异常死亡等，但皆无回覆，期间当局只称会将其上訴转交布政。

“直到2月10日，我们只好向警方备案，当天下午时，当局官员就通知重新抽血化验；抽取30头猪样本包括血液、猪鬃、内脏、膀胱等化验，另也备份样本给我们。”

他说，当局的检验结果显示3头猪及一条猪鬃呈阳性，而其农场周一（2月13日）将所备份的样本（同一批猪）送到霹州怡保经受政府承认的化验室化验，但被告知不能接受化验，理由是兽医局医生陪同，但这些讯息都没在当局抽血时被告知。

“庆幸在标记下被当局抽取的猪只样本，农场重新抽样再带到私人化验室化验，结果皆呈阴性反应。”



■毁猪行动进行期间，警方派员到场站岗。（取自王富宗面子书）



■王富宗在农场收集猪农们的上訴簽名；右2为王观明。（王富宗提供照片）

王富宗：2病猪不是我的

王富宗说，该局起初是在宰猪场的猪只采样发现非洲猪瘟，并怀疑其养猪场偷疫，但宰猪场的猪只实际上也与其他猪只混合，更何况当局出示呈报的2头猪，其耳标显示根本不屬於自己所饲养。

他说，据兽医局点算，其养猪场内共有2万4440头猪，每日营运成本就要10万令吉，但自从接到隔离令至今，已38天仍无法出售、猪只增生繁殖。

“我曾於2月15日上訴首相拿督斯里安华，隔天就有政治人物告知会调查。”

他希望农业及食品安全部副部长陈强谦和副部长曹观友，为猪农争取权益，相信两人明白整个状况。

“周一（20日）早上，我们却接到兽医局官员通知下午3时会来毁猪，我们已无路可走，只能透过媒体表达诉求。”

其他出席者包括董事主席王观洲、公司会计师王观明。

“我透过面子书撰文要求各界关注，并标签安华、曹观友和陈强谦，同时在留畜处发布当局动用市政行政罗网，从其农场运出猪只，准备销毁。”

（取自王富宗面子书）

“周一（20日）早上，我们却接到兽医局官员通知下午3时会来毁猪，我们已无路可走，只能透过媒体表达诉求。”

其他出席者包括董事主席王观洲、公司会计师王观明。

“我曾於2月15日上訴首相拿督斯里安华，隔天就有政治人物告知会调查。”

他希望农业及食品安全部副部长陈强谦和副部长曹观友，为猪农争取权益，相信两人明白整个状况。

“周一（20日）早上，我们却接到兽医局官员通知下午3时会来毁猪，我们已无路可走，只能透过媒体表达诉求。”

其他出席者包括董事主席王观洲、公司会计师王观明。

“我透过面子书撰文要求各界关注，并标签安华、曹观友和陈强谦，同时在留畜处发布当局动用市政行政罗网，从其农场运出猪只，准备销毁。”

（取自王富宗面子书）

Jeti terapung bantu nelayan darat

SEGAMAT – Dua buah jeti terapung akan dibina setiap tahun oleh kerajaan negeri untuk kemudahan nelayan darat melakukan aktiviti selain tidak mudah rosak jika dilanda air pasang besar dan banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Datuk Zahari Sarip berkata, empat jeti terapung telah siap dibina di Batu Pahat, Kota Tinggi, Muar dan Segamat.

“Setiap jeti akan siap dalam tempoh tiga bulan dan nelayan akan mempunyai tempat khusus untuk menaikkan hasil tangkapan, meletakkan bot dengan lebih teratur dan selamat.

“Jeti akan dibina di kawasan yang kerap dinaiki air supaya tidak rosak dan lebih mudah digunakan jika banjir,” katanya ketika ditemui di tapak cadangan pembinaan jeti terapung di Kampung Seberang Batu Badak di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri

Buluh Kasap itu memberitahu, jeti bernilai RM100,000 di muara Sungai Segamat yang akan memberi kemudahan kepada kira-kira 40 nelayan darat di sekitar Kampung Seberang Batu Badak dan sekitarnya.

Ujar Zahari lagi, bagi usaha mengenal pasti lokasi pembinaan jeti terapung ini, pihak Jabatan Perikanan akan bekerjasama dan mendapatkan maklumat daripada persatuan nelayan daerah di negeri ini.



ZAHARI (kiri) melihat kertas kerja cadangan projek pembinaan jeti terapung di tebing sungai di Kampung Seberang Batu Badak, Segamat semalam.

1,455 pesawah asnaf terima sumbangan Bernas



MOHAMAD SOLHI (kanan) menyampaikan sumbangan makanan kepada Bedah sekeluarga di Simpang Empat, Alor Setar semalam.

ALOR SETAR – Seramai 1,455 pesawah kurang berkemampuan mendapat perhatian Padiberas Nasional Berhad (Bernas) apabila menerima sumbangan barangan makanan menerusi program Menjejak Asnaf.

Setiap mereka menerima barangan seperti beras, susu, gula dan minyak masak.

Menurut Ketua Jabatan Pengerus Bekalan dan Skim, Mohamad Solhi Mohd. Salleh, jumlah pesawah itu adalah termasuk 200 orang di Kedah yang dipilih menerima sumbangan tersebut.

"Dengan cabaran kos dan perbelanjaan isi rumah yang makin meningkat, bantuan ini diharapkan dapat meringankan beban

pesawah yang terkesan," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada pesawah di Simpang Empat dan Kuala Kangkong di sini semalam.

Menurut beliau, barangan itu diagihkan sebelum Ramadan dengan Kedah menjadi negeri pertama diikuti Pantai Timur, Selangor dan Perak melibatkan peruntukan sebanyak RM127,000.

Sementara itu, Azizah Man, 55, berkata, dia terharu menerima kunjungan Bernas yang menziarah mereka termasuk ibunya, Bedah Tayib, 90, yang uzur dan menyampaikan sumbangan.

"Sekurang-kurangnya dapat jimat perbelanjaan makanan kami pada bulan ini," katanya ketika

ditemui.

Razali Ahmad, 46, yang juga juga orang kelainan upaya pula memberitahu, dia sekeluarga tersentuh dengan sumbangan Bernas selain wang zakat.

Tiga anak Razali yang masih bersekolah menerima sumbangan kelengkapan sekolah daripada Bernas.

Seorang lain penerima, Hali-mah Husin, 67, berkata, sumbangan itu memberi keceriaan buat keluarganya termasuk suami, Zainol Man, 75, yang kini tertan-tar akibat gout.

"Alhamdulillah, ada juga yang ziarah, memang rasa terharu sangat dan datang bawa kotak makanan pula," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



MOHAMAD Solhi Mohd. Salleh (kanan) menziarahi Bedah Tayib dan menyampaikan sumbangan kotak makanan dalam program Menjejak Asnaf anjuran Bernas di Simpang Empat, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/ JAMLIH ABDULLAH

1,455 pesawah asnaf terima kotak makanan Bernas

ALOR SETAR: Keceriaan jelas terpancar pada wajah pesawah dalam golongan asnaf di sekitar Simpang Empat Kangkong, di sini tatkala menerima kunjungan wakil Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Usaha menyantuni kira-kira 30 pesawah terlibat adalah satu inisiatif khas Bernas iaitu Menjejak Asnaf dengan sumbangan kotak makanan berupa beras, susu, gula, minyak masak dan keperluan lain.

Ketua Jabatan Pengurusan Bekalan dari Skim Bernas, Mohamad Solhi Mohd. Salleh berkata, sebanyak 1,455 pesawah di seluruh negara terpilih menerima sumbangan tersebut termasuk 200 pesawah di Kedah.

"Berpegang kepada asas perkongsian rezeki dan bertepatan dengan pengertian pemberian zakat, para pesawah asnaf dikenal pasti untuk menerima sumbangan kotak makanan keperluan harian.

"Dengan cabaran kos dan perbelanjaan isi rumah yang

kian meningkat, bantuan seumpama ini diberikan dengan harapan untuk sedikit sebanyak meringankan beban golongan pesawah yang terkesan," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan itu kepada lima keluarga pesawah di sekitar Simpang Empat dan Kuala Kangkong, di sini.

Menurut beliau, program berkenaan juga merupakan yang pertama kali diadakan Bernas untuk meringankan beban keluarga terlibat.

"Kotak makanan ini akan diagihkan sebelum Ramadan. Selepas di Kedah kita juga akan ke pantai timur, Selangor dan Perak untuk membuat agihan. Sejumlah RM127,000 diperuntukkan untuk program ini pada 2023," katanya.

Sementara itu, seorang penerima, Azizah Man, 55, berkata, keluarganya terharu dengan kunjungan pihak Bernas yang menziarah mereka dan menyampaikan sumbangan makanan itu.

Penjaja kecil di Gua Musang terjejas pendapatan disebabkan harga tidak menentu

Pelanggan masih berkira beli sayur



PENJAJA resah dengan harga barangan basah dan sayur yang tidak menentu ketika ini di Gua Musang semalam.

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Rata-rata penjaja kecil di daerah ini resah apabila harga sayur-sayuran ketika ini tidak menentu sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Seorang penjaja barangan basah menggunakan van, Rohaizad Rashid, 55, berkata, harga runcit sayur-sayuran tidak menentu menyebabkan hasil jualan mereka merudum lebih separuh setiap hari sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, kenaikan dan penurunan harga sayur-sayuran membimbangkan penjaja yang mencari rezeki setiap hari.

"Sebagai contoh minggu lalu, harga tomato mencecah sehingga RM11 sekilogram dan terung RM8 kilogram, hari ini (semalam) ada

penurunan sebanyak RM2 berbanding harga itu.

"Situasi itu menyebabkan pelanggan berkira-kira untuk membeli sehingga barang tidak habis terjual. Kami kasihan pada pelanggan, tetapi dalam masa sama peniaga kecil seperti saya pun bukan dapat untung besar," katanya ketika ditemui di Kosmo! semalam.

Rohaizad yang sudah lebih 20 tahun menjaja berkata, ramai penjaja yang terkesan dengan harga sayuran dan barangan basah yang tidak menentu sejak pertengahan tahun lalu.

Katanya, penjaja amat terkesan dengan keadaan itu kerana pendapatan penjaja hanya sekadar cukup makan dan tidak lagi boleh membuat simpanan seperti dahulu.

Rosmiza Rusdi, 33, pula, mendakwa, penjaja kini tersepit dengan kenaikan harga barangan yang tidak terkawal.

Katanya, keuntungan yang mereka peroleh hanya sedikit selepas terpaksa menolak kos lain termasuk minyak petrol dan modal pembelian barangan jualan.

"Pembekal memaklumkan bahawa mereka terpaksa mengikut harga pasar borong selain mengambil kira faktor cuaca sehingga tidak dapat mengawal kenaikan harga sayur-sayuran.

"Kami mengesakan kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya kerana tidak mahu pelanggan salah faham sehingga menggelar kami peniaga dan penjaja cekik darah pelanggan," tambahny.

Harga sayur dijangka turun 40 peratus

Cuaca baik jadi faktor pengeluaran kembali meningkat

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga sayur-sayuran yang sebelum ini melonjak naik susulan musim hujan dan banjir yang melanda negara, dijangka turun sehingga 40 peratus, mulai minggu ini.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur-Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia susulan cuaca yang kembali baik sejak minggu lalu.

Katanya, cuaca baik menyebabkan pengeluaran hasil sayuran kembali meningkat dengan jangkakan bekalan sayuran kembali stabil mulai minggu depan.

"Cuaca baik sejak minggu lalu menyebabkan pengeluaran sayur-sayuran negara terutama di Johor, Pahang dan Perak kembali meningkat.

"Harga timun yang sebelum ini melonjak sehingga RM7 sekilogram (kg) berikutan hasil yang sangat kurang kini turun kepada RM2.50 setiap kg selepas pengeluaran meningkat.

"Begitu juga harga kacang pan-



Bekalan sayur-sayuran dijangka kembali stabil mulai minggu depan. (Foto Haikal Anuar Rahim/BH)

jang yang sebelum ini naik mendadak kepada RM9 kg kini kembali ke harga asal iaitu RM3.50 hingga RM4 setiap kg.

"Kita menjangkakan bekalan sayuran akan kembali stabil menjelang minggu depan dengan harga sayur kembali murah seperti sebelum musim hujan dan banjir," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hujan lebat jejas ladang

Sejak bulan lalu, harga sayuran dilaporkan melonjak melebihi 100 peratus, susulan hujan lebat berterusan dan banjir melanda beberapa negeri sejak Disember lalu.

Ser Kwee dilaporkan berkata hujan lebat berterusan menjejaskan ladang sayuran di Johor, Pahang dan Perak, sekali gus me-

nyebabkan harga bahan mentah itu melonjak naik di kawasan terjejas berikutan bekalan terjejas dan dijangka hanya akan pulih secara berperingkat hujung bulan ini.

Antara sayuran yang mencatatkan kenaikan harga lebih 100 peratus termasuklah tomato, timun, kacang panjang dan bendi.

Sementara itu, peniaga sayuran pasar basah Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata bekalan sayuran yang diterima daripada pembekal juga kembali meningkat berbanding dua bulan lalu.

"Alhamdulillah, bekalan sayur berdaun yang paling terjejas termasuk bayam, sawi dan kangkung, selain tomato, bendi dan kacang panjang, kini semakin pulih," katanya.

HARGA SAYUR	
SARAWAK	
Cili merah	RM18.90 - RM32.95/kg
Cili padi	RM40/kg
Bawang merah	RM17 - RM26/kg
Bawang putih	RM5.30 - RM10/kg
Sawi	RM10.99 - RM12.99/kg
Timun	RM1.99 - RM5/kg
KELANTAN	
Cili gred A	RM18 - RM20/kg
Timun	RM4 - RM5/kg
Terung	RM10 - RM12/kg
Sawi	RM6 - RM7/kg
Bendi	RM12 - RM13/kg
Lada besar	RM16/kg
Kubis	RM3/kg
JOHOR	
Bawang merah	RM3.90 - RM4.50/kg
Bawang putih	RM5.90 - RM6.50/kg
Cili merah	RM14 - RM15/kg
Cili padi	RM12 - RM14/kg
Sawi	RM7 - RM7.50/kg
Timun	RM4 - RM4.50/kg
KUALA LUMPUR	
Cili merah	RM15.90/kg
Cili padi	RM13.90/kg
Bawang merah	RM2.40/kg



Salahuddin menunjukkan Menu Rahmah yang di sumbangkan kepada golongan B40 selepas merasmikan Program Jualan Rahmah AEON BIG Wangsa Maju di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

KPDN terus pantau jualan barangan keperluan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendapati harga sayur di pasaran ketika ini sudah mula turun.

"Rata-rata harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini sudah mula turun," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, semalam.

Beliau berkata, contohnya harga cili merah hampir mencecah RM25 hingga RM27 sekilo beberapa minggu lalu dan hari ini sudah turun sekitar RM12 hingga RM15 sekilo.

"Sayur-sayuran adalah barangan yang ada masanya harganya naik dan ada kalanya turun.

"Berdasarkan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(MAFS) ia berlaku pada waktu tengkujuh dan beberapa sayur-sayuran khususnya yang menghadapi musim tengkujuh memang mahal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah AEON BIG di AEON BIG Wangsa Maju dekat sini, semalam.

Katanya, KPDN akan terus mengawasi harga semasa jualan sayur-sayuran di seluruh negara bagi mengurangkan beban rakyat.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata Kementerian yakin tidak ada mana-mana pihak akan sabotaj program Menu Rahmah yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini.

Katanya, beliau tidak percaya bahawa ada syarikat jenama be-

sar atau warung kecil di kampung sekalipun untuk tidak berkompromi dengan kualiti menu yang dinikmati.

"Saya tidak percaya ada pihak tergamak menggunakan bekalan bahan mentah yang tidak berkualiti contohnya ikan yang dah busuk atau sayur yang sudah rosak dimasak untuk Menu Rahmah dan saya tak fikir begitu.

"Jadi, saya yakin tidak akan ada mereka yang sengaja menyalahgunakan Menu Rahmah berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin rakyat Malaysia walau apa agama dan bangsa sekalipun apabila mereka mahu membuat Menu Rahmah atau jualan rahmah berkenaan mereka tidak berkompromi tentang kualiti dan kuantiti.